

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96

April 1996

SEU414 - Kewangan Antarabangsa

Masa: [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** (5) soalan kesemuanya. Jawab **SEMUA** soalan dari Bahagian A dan mana-mana **TIGA** (3) soalan lain dari Bahagian B..

Bahagian A

Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1

- (a) Analisiskan struktur dan arahaliran imbalan pembayaran Malaysia bagi tempoh 1980-95. (15 markah)
- (b) Bincangkan isu-isu utama semasa imbalan pembayaran Malaysia. Kenalpastikan dasar-dasar dan langkah-langkah yang boleh digunakan untuk mengatasi masalah imbalan pembayaran Malaysia. Berikan penjelasan bagaimana dasar-dasar berkenaan boleh membentulkan masalah tersebut dan berikan syarat-syarat yang diperlukan bagi menjamin keberkesanan dasar-dasar/langkah-langkah tersebut. (70 markah)
- (c) Apakah prospek imbalan pembayaran Malaysia menjelang abad ke-21. (15 markah)

...2/-

Soalan 2

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan satu sistem kewangan antarabangsa? Bagaimanakah sistem kewangan antarabangsa boleh dikelaskan? (15 markah)
- (b) Bandingkan operasi dan keberkesanan sistem kewangan antarabangsa masa kini dan sistem Bretton Woods. Apakah prospek untuk sistem ini terus bertahan pada masa depan yang terdekat? Jelaskan. (55 markah)
- (c) Jelaskan sistem kadar pertukaran yang diamalkan oleh Malaysia sekarang. Mengapa Malaysia mengamalkan sistem ini? Pada pendapat anda adakah sistem ini berjalan dengan baik berbanding dengan sistem yang terdahulu? (30 markah)

Bahagian B

Jawab mana-mana TIGA (3) soalan sahaja.

Soalan 3

- (a) Kenalpastikan pendekatan-pendekatan yang paling sesuai untuk menentukan kadar pertukaran dalam (i) jangka panjang dan (ii) jangka pendek. Terangkan bagaimana setiap pendekatan tersebut boleh menjelaskan pergerakan kadar pertukaran. (70 markah)
- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan “overshooting” kadar pertukaran? Mengapa ia boleh berlaku? (30 markah)

Soalan 4

- (a) Bezakan dengan jelas di antara perlindungan nilai dan spekulasi di dalam pasaran pertukaran asing. (35 markah)
- (b) Bezakan dengan jelas di antara arbitraj geografi dan arbitraj bunga terlindung. (35 markah)

- (c) Sekiranya tidak ada sebarang sekatan terhadap mobiliti modal antarabangsa, analisiskan pertalian di antara kadar semerta, kadar hadapan, kadar faedah dan kadar inflasi.

(30 markah)

Soalan 5

- (a) Apakah matlamat-matlamat atau objektif-objektif ekonomi yang paling utama bagi sebuah ekonomi terbuka?

(20 markah)

- (b) Bezakan di antara dasar-dasar mengalih perbelanjaan dan dasar-dasar mengubah perbelanjaan. Terangkan dengan jelas bagaimana dasar-dasar ini boleh membawa kepada keseimbangan keseluruhan bagi sebuah ekonomi yang mengalami (i) defisit imbalan pembayaran dan pengangguran, dan (ii) lebihan imbalan pembayaran dan inflasi tolakan kos.

(80 markah)

Soalan 6

- (a) Berikan definisi dan jelaskan kegunaan (i) kadar pertukaran berkesan nominal dan (ii) kadar pertukaran berkesan benar.

(20 markah)

- (b) Jika sesuatu matawang menjadi terlebih nilai di pasaran pertukaran asing, apakah kesan yang mungkin berlaku ke atas imbalan dagangan negara tersebut? Bagaimana jika matawang itu menjadi terkurang nilai?

(10 markah)

- (c) Berdasarkan kadar pertukaran berkesan, ringgit didapati telah naik nilai pada tahun-tahun 1980-1984 dan susut nilai sejak 1985 sehingga Mac 1989. Apakah yang menyebabkan ringgit naik nilai semasa tahun-tahun 1980-84 sedangkan ekonomi Malaysia mengalami kemelesetan pada tahun-tahun tersebut? Apakah implikasi kenaikan nilai ringgit ke atas ekonomi Malaysia? Adakah nilai ringgit pada tahun 1980an lebih dipengaruhi oleh akaun semasa atau akaun modal imbalan pembayaran Malaysia? Jelaskan.

(30 markah)

- (d) Bezakan di antara spekulasi yang menstabilkan dan menyahstabilkan. Terangkan bagaimana Malaysia boleh mempertahankan nilai ringgit apabila terjadi spekulasi menyahstabilkan ke atas ringgit.

(40 markah)

Soalan 7

- (a) Tiga pendekatan utama yang digunakan untuk menganalisis kesan ekonomi satu penurunan nilai matawang ialah pendekatan keanjalan, pendekatan penyerapan dan pendekatan kewangan. Bezaikan di antara ketiga-tiga pendekatan ini. (40 markah)
- (b) Dengan menggunakan pendekatan penyerapan, terangkan dan tunjukkan bagaimana penurunan nilai matawang sesebuah negara mempengaruhiimbangan pembayarannya serta terangkan syarat-syarat di mana penurunan nilai matawang berkemungkinan berjaya membentulkan defisitimbangan pembayaran negara tersebut. (30 markah)
- (c) Terangkan apakah yang dimaksudkan dengan (i) syarat Marshall-Lerner dan (ii) kesan keluk J? (20 markah)
- (d) Menurut pendekatan penyerapan, adakah terdapat apa-apa perbezaan sama ada sesebuah negara itu menurunkan nilai matawangnya di bawah keadaan ekonomi beroperasi pada kurang dari tingkat guna tenaga penuh berbanding dengan pada tingkat guna tenaga penuh? Jelaskan. (10 markah)

Soalan 8

- (a) Analisiskan hubungkait di antara pendapatan negara danimbangan dagangan bagi sebuah ekonomi terbuka. (30 markah)
- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan pantulan asing? Berikan faktor-faktor penentu kecenderungan sesebuah negara untuk memancarkan gangguan-gangguan atau perubahan dasar-dasarnya ke atas negara-negara lain dan darjah reaksi sesebuah negara terhadap perubahan-perubahan tertentu di negara lain. (20 markah)
- (c) Bincangkan kesan pantulan asing di bawah sistem kadar pertukaran terapung untuk sebuah ekonomi terbuka yang (i) besar dan (ii) kecil. (50 markah)